



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

**PROGRAM MY BEAUTIFUL MALAYSIA PERINGKAT WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 3 Februari 2013** – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini menghadiri Program My Beautiful Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Beliau sebelum itu menyertai aktiviti gotong –royong di Brickfields dan aktiviti yang sama turut berlangsung di Taman Botani Perdana, Masjid Jamek, Taman Tasik Titiwangsa, Kampung Bahru dan Brickfields. Selain itu program ini turut berlangsung di Putrajaya iaitu di Presint 1-20 (10 zon) dan Labuan di Kompleks Sukan Air Labuan dan sepanjang pantai berhampiran.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menjadi penyelaras utama program *My Beautiful Malaysia* di Wilayah Persekutuan bersama dengan iM4U dan Kementerian Belia dan Sukan mengumpulkan penyertaan sukarelawan seramai 70,000 orang di program pada hari ini. Ianya disertai oleh 50,000 orang di Kuala Lumpur, 10,000 orang di Putrajaya dan 10,000 orang di Labuan yang meliputi golongan belia dan masyarakat, Badan Bukan Kerajaan dan NGO. Acara utama program tersebut ialah pelaksanaan aktiviti-aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan, mengikis iklan haram, mengecat kerb jalan, memangkas pokok dan mengutip sampah dan sebagainya. Di samping itu, pelbagai aktiviti hiburan selingan dan beberapa pameran seperti pameran kerjaya dan pameran penjagaan kesihatan turut diadakan.

*Program My Beautiful Malaysia* yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Kampung Medan, Petaling Jaya, Selangor ini turut diadakan secara serentak di 100 lokasi di seluruh Negara melibatkan YB Menteri-Menteri Kabinet serta YAB Menteri-Menteri Besar / Ketua Menteri. Objektif pelaksanaan *Program My Beautiful Malaysia* ialah:

- i) Mengadakan program sukarelawan bagi golongan belia dan pelbagai masyarakat tanpa mengira bangsa, usia dan latar belakang;
- ii) Menjadikan Malaysia bersih, indah dan cantik;
- iii) Menggalakkan belia supaya terbabit secara aktif dalam pembangunan, melakukan perubahan dalam masyarakat dan membuat impak positif kepada negara dan juga kehidupan mereka;
- iv) Mengubah masyarakat Malaysia daripada bersifat kebendaan kepada masyarakat sukarelawan; dan
- v) Menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara golongan belia dengan agensi, kementerian dan pihak swasta serta NGO yang terbabit dengan program tersebut.

Program anjuran *1Malaysia For Youth (iM4U)*, yang merupakan inisiatif YAB Perdana Menteri ini akan dapat mencetuskan semangat sukarelawan (*volunteerism*) di kalangan belia di negara ini. Ianya adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri baru-baru ini bahawa 2013 merupakan Tahun Sukarelawan Negara yang secara langsung akan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan golongan belia dan masyarakat tentang kepentingan serta murninya sifat sukarela.

Kerja amal dan sukarelawan ini adalah suatu aspek yang dianggap penting sebagai proses pembelajaran dan pembentukan hati budi serta sosio budaya golongan belia yang merupakan aset dan juga bakal pemimpin dan penggerak utama pembangunan negara di masa hadapan. Semangat gotong royong dan *volunteerism* ini boleh dilanjutkan kepada pembentukan badan-badan berkonsepkan sukarelawan yang dikenali sebagai program SAHABAT. Ianya boleh diwujudkan disemua kawasan taman-taman awam, taman rekreasi dan taman permainan, serta bangunan ataupun binaan yang bertujuan untuk kemudahan umum kepada orang ramai.

Menerusi kesedaran dan penglibatan masyarakat, khususnya kalangan belia, yang bergerak bersama-sama Badan Bukan Kerajaan, NGO akan berupaya mewujudkan kesedaran yang tinggi untuk menghargai bukan sahaja alam sekitar, malah harta benda awam daripada ancaman kemusnahan alam persekitaran dan kegiatan vandalisme.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

3 Februari 2013

Kuala Lumpur